



KEMENTERIAN KERJA RAYA

---

# KENYATAAN MEDIA

## KOMITMEN MALAYSIA MEMBANGUNKAN SISTEM INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN PINTAR (ITS) MENUJU MASA DEPAN MOBILITI PINTAR YANG SALING TERHUBUNGAN, LANCAR, SELAMAT DAN MAMPAN

**SUWON CITY, KOREA** – Hari ini YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya merangkap Pengerusi Majlis Sistem Pengangkutan Pintar Malaysia (*Intelligent Transport System Council* (ITS)) telah membentangkan hala tuju perancangan dan pelaksanaan Sistem Infrastruktur Pengangkutan Pintar Malaysia di Sidang Meja Bulat Peringkat Tertinggi di Suwon Special City, Korea Selatan.

2. Kerajaan Malaysia MADANI melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) komited untuk mencorak masa depan Malaysia di mana bandar-bandar dan luar bandar saling terhubung (*hyper-connected*) dengan mobiliti yang lancar (*seamless*), selamat dan mampan melalui pelaksanaan Hala Tuju Sistem Infrastruktur Pengangkutan Pintar 2030, atau *Intelligent Transport System (ITS) Roadmap 2030* yang strategik di seluruh negara.

3. Sekarang Malaysia sedang dalam fasa peralihan dari Pelan Tindakan ITS yang asas yang telah dibangunkan pada 2007 kepada Pelan Hala Tuju ITS Malaysia 2030 (Malaysia ITS Roadmap 2030) yang bersifat holistik dan rakyat-centrik di mana tiada rakyat Malaysia MADANI akan terpinggir walau di mana mereka tinggal samada di desa mahupun kota, di bandar, luar bandar mahupun pendalaman seperti di Sabah dan Sarawak.

4. Anjakan strategik yang bakal dikemukakan dalam Malaysia ITS Roadmap 2030 pastinya akan menerapkan teknologi terkini seperti Kecerdasan Buatan (AI), Analitik Data Raya (*Big Data Analytic*) dan teknologi yang berkaitan dalam menjadikan lebuh raya di Malaysia sebagai lebuh raya pintar (*smart highways*) dengan ciri-ciri seperti pengurusan lorong yang dinamik, cadangan perjalanan masa nyata (*real-time travel advisories*), pusat pengurusan trafik yang moden dan canggih bagi pengawalan trafik yang pintar dan optimum serta sistem pengurusan penyenggaraan jalan raya yang efisien. Ini akan disokong oleh Program MYJalan yang akan memperkasa pengguna jalan raya untuk melaporkan isu kerosakan jalan raya dengan telus dan akauntabiliti.

5. Bagi mencapai matlamat tersebut, kerajaan kini memberi tumpuan kepada 5 perkara utama berikut:

- a. Membina ekosistem pengangkutan yang lebih selamat dan terjamin;
- b. Memastikan mobiliti yang pintar, efisien dan lancar;

- c. Mewujudkan gerak kerja ke arah sistem mobiliti hijau, mesra alam dan mampan
- d. Memanfaatkan data untuk perancangan mobiliti dan pengangkutan; dan
- e. Memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui pembudayaan digital dalam ekosistem pengangkutan

6. KKR sedar dan bersedia bahawa Lanskap ITS masa hadapan akan bergerak ke arah kenderaan pandu sendiri ( autonomous vehicles ), pengangkutan awam elektrik (EV ), sistem ‘ Weigh-in-Motion’ , lampu isyarat pintar dan penubuhan Pusat Kawalan Trafik Pintar Kebangsaan. Malaysia tidak dapat lari dari mengadaptasi rangkaian sistem pengangkutan yang pintar dan bersepadu yang pastinya akan memberi impak positif dari segi kecekapan, keselamatan, keselesaan dan kelestarian alam sekitar demi manfaat dan kesejahteraan rakyat Malaysia MADANI.

7. Malaysia kekal komited untuk menjadi peneraju dalam pelaksanaan ITS yang berjaya dan mampan dengan menampilkan pendekatan yang menyeluruh yang akan menjadi penanda aras kepada negara-negara lain dalam membina bandar pintar masa hadapan yang saling terhubung.

**#Tamat #**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**28 MEI 2025**

#KearahKesejahteraanRakyat  
#JasaKepadaRakyat  
#MYJALAN  
#Jalankitatanggunjawabkita  
#KerajaanMADANI  
#MADANIbekerja